



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 10 SEPTEMBER 2023

1. STOK BERAS CAP EHSAN SUSUT 15 PERATUS – KOSMO
2. PESAWAH KEDAH, PERLIS CIPTA KEAJAIBAN – MINGGUAN MALAYSIA
3. KEAJAIBAN PESAWAH KEDAH, PERLIS- MINGGUAN MALAYSIA
4. KERAJAAN TELITI POLISI RANTAIAN BEKALAN AGROMAKANAN – MINGGUAN MALAYSIA
5. NAFAS PERTAHAN POLISI PERTANIAN – MINGGUAN MALAYSIA
6. PERKASA SEKTOR TANI – METRO AHAD
7. SYOR BERAS TEMPATAN DI SABAH MASUK SENARAI BARANG KAWALAN – BERITA HARIAN
8. KEKURANGAN BEKALAN BERI GAMBAR BERLAKU MANIPULASI PASARAN – BERITA HARIAN
9. PASARAN BERAS GLOBAL TERTEKAN SEJAK INDIA HENTIKAN EKSPORT – BERITA HARIAN
10. HAD BELI BERAS TEMPATAN 100KG BERI KESAN PENGUSAHA MAKANAN – SINAR AHAD
11. BEKALAN BERAS EHSAN KURANG 10 HINGGA 15 PERATUS – SINAR AHAD
12. BOHONG DIRI PASAL PADI – SINAR AHAD
13. LOVING IT, AND WASTING IT – SUNDAY STAR

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 10 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA



GAMBAR bertarikh 25 Julai 2023 menunjukkan penduduk beratur pada Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Dewan Komuniti Taman Kantan Permali, Kajang.

Tidak kritikal, usaha tambah pengeluaran dibuat

Stok beras cap Ehsan susut 15 peratus

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

KUALA SELANGOR – Kerajaan Selangor mengakui bekalan beras cap Ehsan lima kilogram (kg) keluaran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berkurangan antara 10 hingga 15 peratus awal bulan lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, isu kekurangan bekalan itu diperoleh menerusi hasil laporan Jualan Ehsan di seluruh negeri ini.

Jelas beliau, kerajaan negeri menerusi Exco Kemajuan Infrastruktur, Permodenan Pertanian dan Perladangan, Izham Hashim dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-

Sara Hidup (KPDN) diminta memantau lebih teliti isu berkenaan.

"Setakat ini, laporannya tidak begitu kritikal, malah saya percaya dapat menanganinya termasuk menambah pengeluaran dari Sekinchan yang menjadi kawasan pengeluaran padi serta beras negeri.

"Jika ada kekurangan (bekalan beras), ia berlaku di satu atau dua gerai jualan yang kehabisan stok kerana kita tidak sempat restock," katanya ketika ditemui selepas Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor (Unisel) kali ke-17 di Kampus Bestari Jaya, di sini semalam.

Ditanya sama ada kerajaan negeri bersedia menambah stok

bekalan beras bagi Jualan Ehsan Rahmah (JER), kata Amirudin, perkara itu akan dilaksanakan berikutnya permintaan tinggi pada masa ini.

"JER akan diteruskan dan apa paling penting kita mahu memastikan bekalan di pasar raya mencukupi. Empat outlet ketika ini menjual beras Ehsan mencukupi walaupun mendapat permintaan tinggi kerana harga lebih murah berbanding jenama lain."

"Kerajaan negeri menyediakan subsidi sebanyak RM3 bagi setiap lima kg beras Ehsan yang dijual. Namun, tiada subsidi beras diberikan bagi pembelian di outlet dan hanya melibatkan JER," tambahnya.

KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
TARIKH : 10 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Pesawah Kedah, Perlis cipta keajaiban

Memastikan bekalan beras negara cukup melalui projek perintis tanaman padi lima kali dua tahun termasuk meningkatkan pengeluaran padi hingga 10 tan sehektar.

BERITA
DIMUKA
4 & 5



FRONT PAGE

KERATAN AKHBAR

: MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Memastikan bekalan beras negara cukup melalui projek tanaman lima kali dua tahun

Keajaiban pesawah Kedah, Perlis

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD,
MOHD HAFIZ ABD. MUTALIB dan
MOHAMAD ATHIR ISMAIL.
muhamadaimy@msdn.mst.gov.my

ALOR SETAR: Ketika dina
bedepan kenaikan harga beras
tertinggi dalam tempoh 15 tahun,
rakyat boleh memarkas nasi lepa
apabila usaha kerajaan meningkatkan
pengurusan padi melalui sistem
tanaman lima kali dalam tempoh
dua tahun membantah hasil

Projek pertama yang dilaksana-
kan di Perlis dan Kedah bukan sa-
haja berjaya menambah pasangan
penanaman pada tetapi juga dapat
meningkatkan hasil bagi setiap hektar
dari sekitar empat hingga lima
tan seketar sebelum ini kepada
kira-kira 10 tan seketar.

Di Perlis, projek pertama pesa-
naman pada lima kali dua tahun di
Kampung Lar 1000 terusnya me-
mudahkan perkembangan positif
dalam usaha mencapai tahap satu
din (SS1) pengolahan beras apabila
mampu menggunakan 10.45
tan pada hasil bagi setiap hektar sawah
yang ditanam.

ini secara langsung meningkatkan
pendapatan pesawat hingga 50
peratus.

Kira-kira 20 pesawah terlibat
dengan Projek Smart Sawah Berjaya
Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan
Muda di Kampung Lar 1,000 itu
membuktikan keluasan 100 hektar.

Melalui kepada perkemba-
ngan hasil pada berkemasan, projek
tersebut mungkin diperluaskan
pada musim depan melibatkan ka-
wasan seluas 300 hektar di Kuala
Sanggul.

Difahamkan hasil lebih 10 tan
metrik per hektar di difahamkan
paling tinggi pesawat direkodkan
di negeri ini meningkatkan hasil
kehijauan pesawah sebelum ini
hanya sekitar empat ke lima tan
metrik bagi kehijauan sisa.

Bersikap lepas, Menteri Agama
Malaysia, ketua projek, Allen Lim
Mausor, 50, berita hasil pada
pada musim ini di kawasan ter-
kenas meruncak sehingga 1,045
tan metrik atau jumlah yang cukup
tinggi selepas pesawah mengikut
kaedah penanaman Smart SBB.

Katanya, selepas Sekinchan,
hasil lebih 10 tan metrik per hektar
itu antara tertinggi di negara ini.

Katanya, teknologi moden
serta sistem pengairan yang baik,
usaha dan disiplin pesawah klu-
suanya pengurusan berbanding itu
juga antara faktor kepada pening-
katan hasil berkenaan.

*Berikutnya peningkatan hasil



PESAWAH melihat hasil padi yang dipindahkan daripada mesin padi ke lori sebelum dibawa ke pusat jualan di Kampung Alor Redis, Arau, Perlis. - MINGGUAN/ILIZAN OTHMAN

**Disiplin pesawah
sangat penting
khususnya dari
aspek pengurusan
sawah seperti
masa untuk proses
menabur baju,
racun, buang padi
angin selain sistem
pengairan yang
baik. Bukan sahaja
di Perlis direkodkan
paling tinggi malah
di seluruh negara.”**

berkenaan, pendapatan pe-
sawah boleh mencapai sehingga
RM10,000 per hektar berbanding
sebelum ini sekitar RM4,000 ke
RM5,000 iaitu peningkatan se-
hingga lebih 50 peratus.

“Harus ditutupi ini se-
lepas mengikuti kaedah penanaman
seperti di Sekinchan sangat tinggi
selain hasil padi yang cukup can-

tik. Penanaman mengikuti kaedah
tersebut (projek Smart Siti Muari
Selincian) itu perlu diperlukan
kerana hasilnya sudahahnya.

“Disiplin pesawah sangat pen-
ting khususnya dari aspek pengurusan
sawah seperti masa untuk proses
menabur baju, racun, buang
padi angin selain sistem pengairan
yang baik. Bukan sahaja di Perlis
direkodkan paling tinggi malah di
sekitar negara,” katanya.

Smart SBB mula diperkenalkan
pada awal 2025 dan adalah satu
inovasi Kementerian Pertanian dan
keoperasian Makanan untuk meningkatkan
kadar SS1.

Difahamkan setakat ini, pro-
gram tersebut telah dilaksanakan di
kawasan seluas 11,000 hektar di
seluruh negara melibatkan 4,000
pesawat dengan sasaran keselu-
ruhan 240,000 pesawat terhadap
dengan program Smart SBB ini.

Roluan kawasan tanaman padi
di seluruh Perlis ialah 29,200.22
hektar membentuk 19,014.53 di
kawasan Lereng Rantau Panjang Per-
tanian Muda (LAM) dan 10,166.16
hektar di luar kawasan MADA de-
ngan keseluruhan pesawat 11,910
orang.

Di kedah pula, Pengurusan MADA,
Datuk Dr. Ismail Sabri berkata,
projek rintis penanaman padi lima
kali dua tahun itu bagi memastikan
tanaman padi dapat dilaksanakan
dengan baik contohnya seperti
penggunaan varieti tempoh ma-
ting pendek,” katanya.

melibatkan MADA bagi kawasan je-
lapang padi dan sebatian Pertanian
Negeri Kedah untuk sawah hasil.

Jumlah bekalan, setinggi keru-
pihannya telah melaksanakan pe-
nanaman padi lima kali di kawasan
sehingga 21,99 hektar yang melibat-
kan 165 petani.

Antara lokasi tersebut adalah
51.6 hektar di Titi Baru; 16.6 hektar
(3.6 Bk 52.4 hektar (Pantai Jansai)
dan 48 hektar di Titi Gajah A, se-
lain tiga lagi lokasi dalam Kawasan
Muda di Perlis.

Beliau berkata, MADA mempunyai
seluruh 30,000 hektar sawah di Ka-
wasan Muda yang berpotensi di-
taksonomi penanaman lima kali
dalam tempoh dua tahun itu secara
berperlogos dengan pemancangan
memperbaiki hak infrastruktur pem-
biaran sistem tawar di kawasan
berkenaan.

“Kawasan Muda merupakan
pelopong padi terbesar di Malaysia
yang merangkumi kawasan seluas
130,282 hektar yang mana 100,685
adalah kawasan penanaman padi
yang terletak di Kedah dan Perlis.

“Malah, teknologi yang ber-

sesuaian juga memastikan peran-

an untuk pengairan padi lima kali

dua tahun itu bagi memastikan

tanaman padi dapat dilaksanakan

dengan baik contohnya seperti
penggunaan varieti tempoh ma-

ting pendek,” katanya.

Ismail berkata, cadangan kerja-
jam melaksanakan penanaman
padi sebanyak lima kali dalam tem-
poh dua tahun itu diharap mampu
meningkatkan semula pengeluaran
padi sekali gus meningkatkan SS1 bersa-
ngat.

“Dengan sifat bukan sahaja
infrastruktur berada dalam ku-
asaan hak tetapi pesawah mem-
luhi jadual penanaman yang telah
ditetapkan kerana jika musim per-
tama sudah terlewati bagaimana
manfaat sejalan penanaman yang
telah dalam tempoh dua tahun
itu,” katanya.


Tambah beliau, tidak ada seba-
rang perubahan drastik dilaksana-
kan setakat ini bagi menjawab
agenda penanaman padi lima kali
dua tahun itu kecuali penambahan
satu musim antara tahun pertama
dan kedua.

“Ini bermakna kalau hasil padi
kali pertama dan kedua sek-
tar emas tan metrik per hektar,
kita menganggap hasil padi pada
penumbuhan musim penanaman
juga sama jumlahnya yang secara
tidak langsung meningkatkan hasil
pengeluaran padi negara,” katanya.

Sementara itu, penanaman bagi
kawasan luas jelapang di Kampung
Rantau Panjang, Rusa Muda, Re-
dah juga telah dimulakan sejak
April lalu untuk musim 1/2023 se-
belum penambahan satu musim

CONTINUE NEXT PAGE

Garis masa tempoh semusim tanam padi (105-110 hari)



penanaman sekitar Januari hingga Februari tanam dengan mengkapikan lima kali penanaman itu.

Projek ini secara berlelakopok di kawasan seluas 160 hektar yang dikelolai Jabatan Pertanian Negeri Kedah itu menggunakan bantuan MR220 CL2 yang boleh ditutup dalam tempoh tidak sampai 100 hari.

TANAMAN LIMA MUSIM BERISIKO TERSSARAS

Realiti tanaman padi lima musim yang pernah dilaksanakan sekitar 2015 hingga 2016 di Selangor tidak seperti digambarkan apabila projek pertama tersebut didakwa gagal mencapai matangnya.

Selangor hampir 10 tahun lalu memulai pelopor kaedah tersebut melibatkan 60 petak sawah dengan keluasan keseluruhan 72 hektar pada empat blok kawasan di Kampung Sawah Sempadan, Tanjung Karang.

Bagaimanapun projek itu dianggap gagal kerana tidak mencapai matangnya yang menyasarkan hasil melebihi 40 ton metrik untuk satu punjang bagi setiap petak sawah apabila berat padi diperoleh untuk kaedah tersebut hanya sekitar 12 hingga 15 tan.

Jumlah tersebut, 70 peratus juh tersasar berbanding sasaran ia sebaiknya habiskan keseluruhan puluhan pesawah yang terlibat ketika itu kerana dan mesarki di koran kos yang terlalu tinggi dan tidak berpadanan dengan hasil.

Oleh demikian, catatan kerajaan untuk melaksanakan projek sedemikian wajar diperlukan sebelum dilaksanakan supaya matangnya pengirangan hasil dapat dicapai.

Bukan sahaja terhadap kualiti beras padi dan ketahanannya berdepan ancaman 'padi angin' serta serangan penyakit, bahkan kemampuan tanah sawah untuk 'menanggung beban' puasing penanaman makamtu ruji itu juga perlu dirasuk.

SaiPOL Bahri Sahlan, 62, yang merupakan salah seorang pesawah terlibat melaksanakan projek tersebut sebelum ia mendahului, ketika itu pelbagai agensi kerajaan

berikan sawah padi terlbat melaksananya.

"Cakap gagal terlalu kasar, tetapi itu ialah hakikatnya. Akhirnya pesawah sendiri mengeluh, ada juga yang 'menyumpah' kerana terlalu lecewa, lima musim bukan suatu yang mudah dan tempoh dua tanam itu bukan singkat."

"Lima musim dalam tempo itu bermakna kos pesawah meningkat berbanding empat musim. Bagi satu musim, seorang pesawah menanggung sehingga RM2,000 kos bagi mengurus tanah dan meracuk, itu selepas dikelak subsidi daripada kerajaan."

"Jadi, untuk lima musim pesawah belanja sekitar RM10,000 untuk keseluruhan, tetapi hasilnya puak kurang, sekitar lima hingga tiga tan semusim. Katau dibandingkan dengan harga puak padi sekarang pun, langung tak berbaloi."

"Pada peringkat permulaan, memang pesawah pun tereja memandangkan hasil yang hakal diperoleh itu dilulus berbaloi dengan usaha, tetapi bila akhir akhir musim cuma dapat lima hingga tiga tan, siaga sanggup buat," katanya.

Dalam pada itu SaiPOL Bahri menjelaskan, kali pertama projek tersebut dilaksanakan di blok D, K, P dan V, Kampung Sawah Sempadan, mereka menggunakan jenama benih padi yang mengambil masa sekitar 100 hingga 105 hari untuk matang dan ditutup.

Menurutnya, kawasan tersebut dapat kerana berada paling dekat dengan talian air dan mempunyai satu palong yang besar dan berpuaya mengairi setiap 1.2 hektar perak.

"Ketika itu kami menggunakan benih padi jenis MR220 CL yang diperkenalkan pada 2010. Benih tersebut pada musim biasa boleh hasilkan buah padi sekurang-kurangnya sekitar lapan tan. Kalau lima musim dalam dua tahun, sepertinya boleh dapat 40 tan keatas."

"Penanamannya dilakukan mengikut pelan dan jarak antara tanaman adalah sekitar 45 hari untuk pengurusan tanah."

"Tempoh 45 hari adalah minimum untuk pengurusan tanah, untuk dibakar, buat betul-betul kereng dan diracun rumput sebelum memulakan musim seterusnya," katanya.

'TANAH KURANG REHAT'

Sementara itu, seorang lagi pesawah yang pernah menyertai projek tersebut, Rosli Surat, 55, di Blok V Kampung tersebut memberitahu, projek berkenaan dilulus gagal dan hasil padi tidak seperti diharapkan kerana faktor tanah 'kurang rehat'.

"Tanaman padi adalah pertumbuhan yang kritis kerana memerlukan pengairan dan penggunaan racun yang banyak."

"Satu musim, kita kena racun antara esan hingga 10 kali tanah untuk mengurangi hasil padi tak memastikan beberapa serangan serangga, penyakit dan sebagainya."

"Bayangan dalam tempoh dua tahun hampir 50 kali tanah menyerap kandungan racun, baja dan seterusnya hani ia berada dalam rendaman air bersama bahau tersebut. Jadi, tanah juga perlu rehat," jelasnya.

Rosli seorang pesawah muda, Firdaus Misir, 26, yang mempunyai sawah di blok P, K dan V memastikan, dia masih ingat kekecewaan pengurusan-pengusaha tanaman tersebut ketika itu yang rata-ratanya mengalami kerugian.

"Betapa kecewanya pesawah ketika itu. Mereka tak mahu lagi terlibat atau buat tanaman lima musim. Memang tanah tak cukup rehat, kalau dua musim ketika itu boleh dapat sehingga 12 tan semusim, projek lima musim pula pada musim terakhir dapat tiga tan, napa sanggup?" Soalnya.

SELESAIKAN MASALAH PENGAIRAN

Bagaimanapun bagi pesawah di Sekinchan, Pua Tian Wui, 32, menurutnya rata-rata pengusaha di sana mengertai mengenai edaran kerajaan untuk melaksanakan tanaman padi lima musim, namun mereka meminta masalah pengairan diselesaikan terlebih dahulu.

"Dua musim pun susah, apa lagi benda buat lima musim dalam dua tahun. Kerajaan kena tolong selesaikan masalah pengairan, pergi tengok dalam palong, ada tak sekarang? Sebab itu saya kena pam air dari parit air kejauhan."

"Masalah sedemikian kerap sangat berlaku terutama bila jarang hujan, kawasan sawah jadi kering, air dalam palong tak cukup dan pesawah terpaksa pam air."

"Hal itu pun sudah tambah kos, buat lima musim, lagi banyak belanja," katanya.

Seorang lagi pesawah di kawasan berkenaan, Ah Ti, 60, memberitahu, dia khatir tanaman lima musim tidak menjadi kerana tanah perlukan rehat yang cukup supaya hasil bagi musim seterusnya tak banyak.

"Empat musim dapat 40 tan, lima musim dapat berapa? Tanah perlu rehat, kalau tak kering nanti hasil tanaman untuk musim seterusnya tak banyak."

"Sebab kalau buat lima musim, kalau hasil tak banyak, yang untung cuma tuan tanah."

"Di Sekinchan ini, mejejak kutip sewa RM6,000 setiap musim, kalau lima musim mereka untung, kita kalau hasil hanya tak apa, kalau kurang macam mana?" Soalnya.



SAIPOLE Bahri Sahlan merenjin dan menunjukkan plintu saluran air yang masuk ke dalam petak dari palong dekat sawahnya di Kampung Sawah Sempadan, Tanjung Karang di Kuala Selangor, Selangor. - MINGGUAN/ SADDAM YUSOFF

KERATAN AKHBAR

: MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Kerajaan teliti polisi rantaian bekalan agromakanan

PETALING JAYA: Penyelarasan rantaian bekalan dan menambah baik akses pasaran dalam sektor agromakanan adalah antara keutamaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam menjalankan dasar dan menyesuaikan polisi agromakanan negara dengan cabaran ketika ini.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata,

mengambil iktibar daripada pengalaman ketika dan pasca pandemik adalah antara keutamaan yang diberikan adalah menyelaras semula rantaian bekalan agromakanan supaya menjadi lebih efisien dan menyeluruh.

"Selain itu menambah baik akses pasaran dalam dan luar negara kepada pengusaha agromakanan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* dalam laporannya mengutarkan pandangan pakar-pakar pertanian yang berpendapat sudah tiba masanya kerajaan merombak polisi pertanian lapuk yang wujud sejak enam dekad lalu dengan memperkenal polisi lebih terbuka bagi memastikan keterjaminan sumber makanan negara pada masa akan datang.

Polisi pertanian lapuk merupakan jualan, pengedaran dan

pengagihan input pertanian seperti benih dan bahan yang masih dipusatkan di bawah satu agensi atau entiti, dilihat menyukarkan negara untuk keluar daripada kebergantungan import.

Malah, matlamat Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang mahu memastikan sektor keterjaminan makanan negara yang mampan tidak akan tercapai jika polisi itu terus dikekalkan.

Sementara itu, Pengurus Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman berkata, agenda reformasi masa depan sektor makanan perlu dibincangkan bagi mengelakkannya terus bergantung kepada import.

Katanya, ini kerana beliau bimbang keadaan bertambah parah dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang dan menyebabkan kebergantungan tinggi terhadap import.

KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
TARIKH : 10 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Nafas pertahan polisi pertanian

PETALING JAYA: Pertubuhan Peladang Kehangsaan (Nafas) mempertahankan sistem pemusatan agihan jualan, pengedaran atau input pertanian di bawah agensi tertentu yang dianggap penting untuk mengawal aktiviti berkenaan dalam menjamin bekalan yang cukup.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengurusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, polisi yang dilaksanakan ketika ini sudah betul.

Katanya, Nafas memiliki sejuta ahli dengan 99 peratus daripadanya adalah pesawah.

"Walaupun pertubuhan peladang, tetapi Nafas sama seperti agensi lain di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Jadi lebih banyak kebaikan sebab kerajaan senang kawal kita dan kita akan ikut apa sahaja arahan kerajaan.

"Kalau terbuka misalnya kepada swasta, mungkin tidak akan ikut (piawaian ditetapkan) sebab mahu cari untung semata-mata. Jadi, Nafas bukan begitu dasar kita. Betul mahu untung juga, tetapi tetap pastikan pesawah dapat baja berkualiti dengan harga murah.

"Satu ketika harga baja naik 100 peratus, kita tetap bekal (dengan harga murah). Kalau swasta harga naik mungkin turus naik juga," katanya ketika diberi hubungi, semalam.

Beliau mengulas geasan pakar-pakar bahawa sudah tiba masanya kerajaan merombak polisi pertanian lapuk yang wujud sejak enam dekad lalu dengan memperkenalkan polisi lebih terbuka bagi memastikan keterjaminan sumber makanan negara pada masa akan datang.

Mengulas lanjut, Zamri berkata, amalan pemusatkan agensi tertentu bukan hanya dilaksanakan di negara ini, tetapi dipraktikkan di negara lain.

KERATAN AKHBAR

: METRO AHAD

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: PERTANIAN

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediacorp.com.my

Pemerkaasan sektor pertanian perlu dilakukan secara berterusan kerana ia bukan sah menyumbang kepada KDNK, malah memberi pelangan kepada kerajaan.

"Untuk rekorde, sektor perdidaangan terdiri daripada kelapa sawit, getak dan koh dengan jumlah keluasan dianggarkan sekitar 7.11 juta hektar."

Pakar Ekonomi Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsuddin berkata, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK daripada segi pertanaman akan menurun apabila sesebuah negara itu menuju ke negara beratasi perindustrian.

"Katanya ia membabitkan Malaysia dan dianggarkan sumbangan sektor pertanian dalam lingkungan 7.5 peratus.

"Dari segi nilaiannya, ia berimbas kerana disebabkan skop sektor pertanian sampai ke ladang sabah."

Jika skop pertanian mengambil kira pertinggan tanaman termasuk aktiviti hilir, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK termasuk aktiviti hiliran

Penggunaan teknologi bantu tingkat produktiviti, kurangkan kebergantungan negara terhadap import pertanian



ini menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNE) negara, pendapatan ekspor, pekerjaan dan input kepada sektor industri atas tali."

Katanya

Dr Mad Nasir berkata, antara faktor meningkatkan produktiviti sektor pertanian adalah melalui penggunaan teknologi.

Katanya, ia termasuk penggunaan teknologi seperti mekanisasi, sensor, dron, pemjejak cuaca, automasi, peranan menegak, kecerdasan buatan, nano teknologi, teknologi Sistem Kedudukan Global (GPS) pertanian, robotik dan pertanian tepat.

"Penggunaan mekanisasi dan teknologi terkini mampu meningkatkan kadar upah bagi pekerja kerana setiap pekerja memerlukan kemahiran tertentu untuk mengoperasikan peralatan."

"Ini antara bentuk untuk memarkan pekerja tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja luar," katanya.

Beliau berkata, pemerkaasan sektor pertanian yang dilakukan secara berterusan dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada import pertanian yang dilihat semakin menaik setiap tahun.

Berdasarkan Laporan Indikator Pertanian Terpilih Malaysia 2021 menyatakan jumlah import sektor pertanian menunjukkan peningkatan kepada RM498 billion pada 2020 berbanding RM355 billion pada 2019 dan ini menunjukkan kebergantungan negara kepada import pertanian semakin meningkat.

PERKASA SEKTOR TANI

dalam lingkungan 20 peratus," katanya.

Beliau berkata, bagi penanaman kelapa sawit saja, jumlah keluasan melebihi 5.8 juta hektar dengan nilai eksport lebih daripada RM70 billion dan ini memberi peluang lumayan kepada negara, sekali gus.

Sektor pertanian ini perlu diperkasa dan dengan lebuh melesas.

Katanya, dengan jumlah kehedian ini, sektor perdidaangan memerlukan ramai pekerja.

Menarungnya, semua sektor perdidaangan,

Malaysia berdepan

kekurangan lebih 500,000 pekerja sektor perdidaangan komoditi dengan anggaran iniasing, masih 220,00 pekerja tempatan dan 265,397 pekerja asing berdaftar bagi sektor terbaloi setakat ini.

"Realitinya banyak ak

pekerjaan berkenaan dimonopoli warga asing apabila rakyat tempatan

kurang berminat dengan segmen pekerjaan 3D atau kotor, berbahaya dan sukar.

"Daripada segi pengeluaran sektor pertanian di Malaysia secara amnya terbahagi kepada dua subsektor iaitu tanaman komoditi dan subsektor makanan.

"Kedua-dua sektor



KERATAN AKHBAR

: BERITA HARIAN

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Syor beras tempatan di Sabah masuk senarai barang kawalan

Pertimbangan bawa bekalan dari Semenanjung bolehkan rakyat nikmati harga lebih rendah

Papar: Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata pihaknya telah mencadangkan supaya beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai barang kawalan harga bagi membantu rakyat di Negeri di Bahaw Bayu itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) itu berkata pihaknya telah mengemukakan mengenai perkara itu kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor bagi merealisasi hasrat itu.

"Disyorkan KPBM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Sabah untuk menoliti kesesuaian dan mempertimbangkan pindahan dibutu kepada perintah sedia ada bagi



Armizan menunjukkan harga barang jualan Rahmah pada Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di Pekarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang, Papar, semalam.

(Foto BERNAMA)

membolehkan harga beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai kawalan harga.

"Pindaan kepada perintah ini boleh disusuli dengan pertimbangan membawa bekalan beras putih tempatan dari Semenanjung ke Sabah untuk membolehkan rakyat di Sabah juga memanfaatkan alternatif harga beras yang lebih rendah melalui beras putih tempatan," katanya selepas mengadakan tinjauan ke Program Jualan

Rahmah Kampung Kawang di Pekarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang di sini, semalam.

Industri di Sabah berbeza

Menjelaskan situasi itu, Armizan berkata, kawalan harga beras tempatan terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Kawal Selia Padi dan Beras, KPBM.

Beliau berkata, punca kuasa perkara itu merujuk kepada Akta

Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522) 1994, Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) (No.5) 2008, bagaimanapun beras tempatan Sabah tidak termasuk dalam senarai dikawal harga.

Katanya, ini kerana pihaknya difahamkan industri beras tempatan di Sabah sedikit berbeza dengan Semenanjung sebagai contoh kapasiti saiz kilang padi, daya kecekapan dan daya saling antara pengilang di Sabah adalah lebih

rendah berbanding Semenanjung.

"Tahap infrastruktur berbeza ditambah cabaran musim banjir juga memberi kesan kepada kuatkuasa pengeluaran padi. Kaedah agihan subsidi juga berlairan sebagai contoh bantuan padi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Atas sebab itu, harga beras tempatan di Sabah tidak termasuk dalam perintah pengawalan.

"Selain mengambil kira kadar penghasilan padi rendah lima peratus serta kos pengeluaran padi yang tinggi, harga jualan beras tempatan Sabah adalah lebih tinggi dan tidak dikawal harganya. Ini bertujuan untuk menyokong industri beras tempatan Sabah terus kekal mampar dan berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Armizan berkata pihaknya sedang berusaha untuk mengadakan Jualan Rahmah sebanyak dua kali sebulan di lebih 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara bagi membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barang keperluan.

"Inisiatif ini susulan peruntukan tambahan RM50 juta untuk memperluaskan Jualan Rahmah seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 30 Julai lalu, bagi menawarkan barang keperluan dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat," katanya.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 10 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Kekurangan bekalan beri gambaran berlaku manipulasi pasaran

Kota Kinabalu: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diminta menghentikan sindrom penafian berhubung skandal manipulasi pemasaran beras putih tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Pertanian Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, sebaliknya mahu kementerian itu lebih serius dalam usaha menangani kekurangan bahan makanan berkenaan.

Katanya, kementerian berkenaan perlu lebih peka terhadap isu kekurangan beras putih tempatan yang beraku ketika harga runcit beras putih import naik.

Beliau mendakwa situasi keku-

rangan beras putih tempatan ketika ini memberi gambaran seolah-olah berlaku skandal manipulasi pasaran.

Perbezaan harga ketara

Katanya, amat menghairankan keadaan itu berlaku apabila harga beras putih import naik hingga RM3.90 sekilogram, berbanding harga kawalan runcit beras putih tempatan yang lebih rendah iaitu RM2.60 sekilogram, jika tiada sebarang unsur manipulasi.

"Perbezaan harga yang ketara di antara beras putih tempatan dan beras putih import pastinya menjadi antara faktor pendorong kepada skandal manipulasi untuk

terus berjatu," katanya dalam kenyataan, di sini.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan itu berkata, negara secara konsisten berjaya mengeluarkan beras tempatan hingga mencapai 65 peratus tahap sara diri (SSL) manakala hanya 35 peratus beras yang dimimpot.

Katanya, sebahagian besar beras yang dimimpot itu adalah beras wangi dan beras istimewa, berbanding beras putih biasa.

"Percalonannya di mana pergi beras putih tempatan yang tiba-tiba berkurangan secara ketara ketika ini? Apakah jaminan kementerian bahawa kekurangan ini tiada kaitan dengan kenaikan harga runcit

● KPKM perlu lebih proaktif memastikan pengguna tidak ditindas pihak bertanggungjawab yang ingin meraih keuntungan dengan memanipulasi beras tempatan sebagai beras

Ronald Kiandee,
Pengerusi Jawatankuasa Portfolio
Pertanian Perikatan Nasional (PN)



beras import?

"Tindakan menteri bertanggungjawab dan kementerian sekadar mengeluarkan kenyataan penafian bahawa tiada manipulasi beras tempatan dijual sebagai beras import amat tidak memadai," katanya.

Justeru, katanya, KPKM perlu lebih proaktif memastikan pengguna tidak ditindas pihak bertanggungjawab yang ingin meraih keuntungan dengan memanipulasi beras tempatan sebagai beras import.

Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyifatkan tinda-

kan mengehadkan pembelian 100 kilogram bagi setiap individu yang diumumkan KPKM seperti melepaskan batok di tangga.

Beliau berkata, ia tidak menampakkan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan kerana pengumuman seperti itu tidak memberi kesan jika tidak disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang berkesan.

Katanya, kerajaan membelanjakan lebih RM1.8 bilion setahun melalui pelbagai subsidi untuk memastikan rakyat negara ini memikmati beras putih tempatan dengan harga RM2.60 sekilogram.

KERATAN AKHBAR

: BERITA HARIAN

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Pasaran beras global tertekan sejak India hentikan eksport

Walaupun hanya tujuh minit berlalu sejak India menghentikan eksport beras, harga makanan raya itu meningkat ketara di pasaran global apabila beberapa negara penjual utama turut mengambil tindakan sama.

Harga beras di Asia melonjak kembali menghampiri paras tertinggi dalam hampir 15 tahun pada Rabu (30 Ogos) selepas India mengurangkan lebih banyak sekatan eksport beras turut merangkumi beras cebus dan basmati, yang sebelum ini dikecualikan.

Dua jenis beras itu adalah yang terakhir masih bebas sebelum ini daripada sekatan eksport, memawa kepada kesemua lebih ketar dari turu ini yang bermuat dengan larangan eksport pada 20 Julai ke atas penghantaran beberapa bahan laju.

Tindakan pengeluar utama beras dunia yang menutupi 40 peratus pasaran itu menyebabkan eksport beras membuktikan kerjaan dari Asia ke Afrika Barat panik.

"Pengeluar besar lain cuba meyakinkan peningkatan bahan bahan beras adalah melebur, tetapi ia tidak banyak membantu untuk menenangkan pasaran,"

Prof Emeritus di Universiti Harvard, Peter Timmer, yang merupakan keselamatan makanan selama beberapa dekad, berkata kerajaan harha beras seniasa merugikan pengguna miskin.

"Keselamatan yang paling mendekat sekarang ini, sama ada Thailand dan Vietnam akan mengikut langkah India meletakkan kawalan yang ketara ke atas eksport beras mereka."

"Jika ini berlaku, kita akan melihat harga beras dunia melepas AS\$1,000 (RM4,700) satu tan," ka tanya.

Keselamatan memuncak kerana beras adalah sumber makanan penting untuk berbilion bilion penduduk dunia dan menyumbang 60 peratus daripada jumlah penumbuhan kalori untuk penduduk di Asia Tenggara dan Afrika.

Harga penunda aras kini berada pada AS\$0.46 (RM2.02) satu ton dan masih boleh meningkatkan harga pasaran naik lebih tinggi.

Perancangan musim El-Nino talun ini mengancam untuk memperingkatkan banyak kawasan pertanian utama di seluruh Asia, dengan Thailand sudah memberi amaran mengenai kemarau pada awal 2024.

Turunan di China, pengeluar dan pengimport terbesar dunia, mungkin berlepas daripada cuaca buruk sejak ini, tetapi kawasan pertanian utama India memerlukan lebih banyak injan.

Langkah India dituluh berpaksitan kepada politik kerajaan Perdana Menteri Narendra Modi, sedang menghadapi pilhan raya awal tahun depan.

◆ Kebimbangan yang paling mendesak sekarang ialah, sama ada Thailand dan Vietnam akan mengikut langkah India meletakkan kawalan yang ketara ke atas eksport beras mereka. Jika ini berlaku, kita akan melihat harga beras dunia melepas AS\$1,000 (RM4,700) satu tan.

Peter Timmer,
Prof Emeritus di Universiti Harvard



Justeru, harga makanan yang tinggi boleh menyebabkan pengguna tidak menyokongnya dan sekatan eksport hanya mempunyai sedikit kesan kepada harga beras tempatan India.

Harga beras di ibu negara, New Delhi, masih lebih tinggi berbanding setahun lalu sekitar 31 Ogos, tetapi sejak larangan eksport pada Julai, harga telah stadi pada 39 rupee (RM2.20) sekilogram.

Di seburuh India harga hanya meningkat sedikit, ramain sekatan eksport beras India memberi kesan lebih lemah di seburuh dunia.

Filipina terpaksa meletakkan had harga beras di seburuh negara berikutan peningkatan yang membantingkan dalam kos runcit dan laporan pencutan oleh pentadbir di negara yang menjadi pencipta bijirin kedua terbesar di dunia.

Philippines di peringkat

Sementara itu, negara lain yang banding mengelak krisis beras memilih latihan diplomatik, walaupun banyak Guine yang menghantar menteri perdustaan ke India.

Singapura, Mauritius dan Brunei pun meminta New Delhi mengosilikan mereka daripada sekatan atau aduan ke selamat makaran, satu ke longgaran yang diberikan negara Asia Selatan ini apabila mengharumkan satu jenis bijirin.

Dalam pada itu, sekatan eksport beras diikuti kuasaikan India sebaliknya membuka peluang kepada Thailand selepas pengeluar beras kedua terbesar dunia.

Itu mengakibatkan perjumpaan beberapa minggu ke belakangan ini dengan pegawai pertanggungannya membuat lawatan ke Filipina, Indonesia, Malaysia dan Jepun dengan mesaj: "Jika anda mahukan beras, kami ada."

Vietnam menawarkan sedikit sokongan kepada pasaran dengan mengatakan negara itu berkomitmen bukai melebihi sasaran eksportnya untuk tahun ini, atau pencapaian tanpa menjadikan keselamatan makanannya tersifir.

Persekutuan beras Vietnam memradangkan pembenaran sementara penghantaran beras bagi mengawal ketuntungan harga domestik, namun ditolak oleh kerajaan menskorong prisik persekutuan beras meningkatkan penghantaran.

Dalam perkembangan terbaru pada Khamis lalu, Vietnam sudah pun memandatangkan perjanjian bersama kerajaan dengan Filipina bagi menjamin keselamatan makaran di kedua-dua negara berkecuali.

Vietnam adalah pengeluar beras ketiga terbesar di dunia tahun lalu, manakala Filipina adalah perbeli terbesarnya.

Persatuan Pengeluar Beras Thailand pada mingguan ini turut mengeluarkan surat rasmi mengenai krisis beras pada lima peratus harga susulan menyuarat mingguan pada Rabu lalu.

Biar apa pun berlaku, pelabur sudah pasti akan menjadikan harga beras di Asia sebagai penanda arah untuk beras melihat sama ada pasaran tenang, semakin tertekan atau sedang menuju trend baru.

AGENSI



KERATAN AKHBAR : SINAR AHAD
TARIKH : 10 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Had beli beras tempatan 100kg beri kesan pengusaha makanan

ALOR SETAR - Penetapan had pembelian maksimum 100 kilogram (kg) beras putih tempatan dikhuatiri memberi kesan dan mendorong pengusaha industri makanan menaikkan harga makanan.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, penetapan peraturan terbabit perlu dilihat semula dengan lebih teliti

memandangkan ia tidak hanya melibatkan individu tetapi juga industri makanan.

Menurutnya, pengusaha industri makanan seperti kantin sekolah sebagai contohnya, memerlukan bekalan beras yang banyak setiap hari bagi menampung keperluan pengguna di premis mereka.

"Mengehadkan pembelian jumlah itu kepada industri makanan seperti kantin, restoran dan sebagainya membawa impak

kepada mereka," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Mohamad Yusrizal berkata, dia bimbang pengusaha industri makanan yang terkesan akan menaikkan harga makanan sekiranya perlu menggunakan beras import.

"Akhirnya, ia akan berbalik kepada perbelanjaan pengguna (meningkat) dan inilah yang jadi masalah," katanya.

KERATAN AKHBAR

: SINAR AHAD

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Bekalan beras Ehsan kurang 10 hingga 15 peratus

Isu kekurangan bekalan diperoleh hasil laporan Jualan Ehsan di seluruh negeri

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kerajaan negeri Selangor mengakui beras cap Ehsan lima kilogram (kg) keluaran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengalami kekurangan bekalan antara 10 hingga 15 peratus pada awal bulan lalu.

Menyatakan hal ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, isu kekurangan bekalan itu diperoleh hasil daripada laporan Jualan Ehsan di seluruh negeri ini.

"Kalau ada kekurangan (bekalan beras), ia berlaku di satu atau dua premis yang kehabisan stok dan tidak sempat untuk tambah bekalan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor (Unisel) kali ke-17 di Kampus Bestari Jaya di sini pada Sabtu.

Amirudin berkata, kerajaan negeri melalui Exco Kemajuan Infrastruktur dan Pemodenan Pertanian dan Perladangan, Ir Izham Hashim dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup diminta memantau dengan lebih teliti isu berkenaan.

"Setakat ini, laporannya tidak begitu kritis dan masih terkawal, malah saya percaya kita dapat tangani termasuk menambah pengeluaran dan juga lebihan dari Sekinchan yang menjadi kawasan pe-



AMIRUDIN

ngeluaran padi dan beras negeri," katanya.

Ditanya adakah kerajaan negeri juga bersedia untuk menambah stok bekalan beras semasa Jualan Ehsan Rahmah (JER) di negeri ini, Amirudin berkata, perkara itu akan dilaksanakan berikutnya permintaan tinggi pada masa ini.

"JER akan diteruskan, tetapi paling penting kita hendak pastikan di pasar raya bekalannya mencukupi.

"Pada masa ini, empat outlet yang menjual barang Ehsan mencukupi walaupun mendapat permintaan tinggi selepas tersebut di Facebook beras kita lebih murah berbanding lain" katanya.

Katanya, kerajaan negeri menyediakan subsidi sebanyak RM3 untuk setiap lima kg beras Ehsan yang dibeli penduduk semasa JER.

KERATAN AKHBAR

: SINAR AHAD

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Bohong diri pasal padi



ASAM
PEDAS

A KADIR JASIN

Kita sudah lama tidak mengalami keadaan perang. Yang terakhir adalah darurat 1948-60 apabila bekalan makanan dikawal supaya tidak jatuh ke tangan pesukan bersenjata komunis.

Tetapi tiba-tiba, 66 tahun lepas merdeka, dan dalam keadaan aman rakyat jelata mengeluh mengenai kenaikan harga bahan-bahan makanan dan kekurangan bekalan beras.

Ini adalah keadaan yang sangat membimbangkan. Malah ia sudah menular sehingga menyebabkan kerentenan di kalangan kanak-kanak keluarga miskin meningkat semula.

Mengapa hal ini terjadi di Malaysia yang bumiinya luas serta subur dan cuacanya baik? Jawapannya ialah kerana kerajaan cakap tidak serupa biki dan rakyat jelata leka dengan subsidi dan gula-gula pilhan raya.

Baguslah kalau Kerajaan Perpaduan ini (dan mana-mana juga pentadbiran di masa akan datang) merancang mem-

belanjakan RM3 bilion bagi memperbaiki prasarana persawahan. Itulah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Alor Setar 15 Julai lalu.

Walaupun jumlah RM3 bilion itu tidaklah besar berbanding puluhan bilion ringgit yang dibelanjakan membina prasarana pengangkutan bandar, ia tetap dialu-alukan.

Saya selalu ungkit janji kerajaan tahun 2008 akan membelanjakan penjimatan subsidi petrol sama rata di kalangan semua rakyat jelata yang terkenas dengan kenaikan harga bahan bekas.

Sebanyak RM50.2 bilion dianggarkan sedang dibelanjakan bagi meluaskan sistem transit bandar tetapi amat sedikit bagi meningkatkan taraf prasarana pertanian, khususnya persawahan.

Tidak peliklah kalau daripada banyak kawasan padi di negara kita ini, hanya Sekinchin lengkap dengan sistem pertanian tertier. Yang lain boleh dikatakan hanya separuh jalan. Apabila bekalan beras dunia merosot, eksport disekat dan harga melambung, barulah timbul macam-macam cerita tipu diri dalam pengeluaran dan pemerasaran beras negara.

Bukan perkara baru pun. Sudah dilalui dan diketahui berdekad-dekad lamanya. Misalnya pergantungan kepada orang tengah, sawah milik orang Melayu yang dipajak kepada orang bukan Melayu, khususnya Cina, keluasan ben-

dang yang semakin sempit kerana faraid dan tukar guna tanah, keracunan tanah kerana penggunaan baja kimia berlebihan dan lumpur semakin dalam akibat penggunaan jentera pertanian yang terlalu berat.

Tidak seperti pesawahan Jepun yang menggunakan alat jentera yang sesuai dengan bumi mereka dan pesawahan Thailand yang pandai mereka-cipta dan menyesuaikan alat jentera, petani kita kurang teknologi dan terlalu bergantung kepada apa yang disediakan oleh orang tengah. Berkennen kenaikan mendadak harga beras import, minta maaflah saya guna istilah "bodoh". Hanya orang bodoh saja memberanikan kenaikan begitu besar - 36 peratus - sekali gus.

Saya minta pandangan seorang bekas eksekutif kanan Bernas mengenai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meminta pengilang padi menyerahkan 20 peratus kuota mereka untuk diproses oleh Bernas bagi menghasilkan beras putih tempatan.

Katanya, langkah itu tidak masuk akal dan memalukan. Kerajaan memberanikan kenaikan harga beras import terlalu tinggi. Tidak dapat tidak, penilaian akan mencampurkan beras tempatan dengan beras import bagi tujuan membuat keuntungan. Apatah lagi apabila perbezaan harga beras tempatan dan import terlalu besar.

Kata beliau, kerajaan sepautunya me-

mikirkan sedalam-dalamnya sebelum memberanikan kenaikan harga yang besar seperti itu dan membuat persediaan terperinci. Inilah yang sepautunya menjadi tanggungjawab dan amanah pengimport tunggal seperti Bernas.

Katanya, tugas mereka adalah memantau aliran pembekalan dan perdagangan beras dunia serta membuat ramalan yang tepat supaya boleh melakukan pembelian pada harga terbaik dan menyimpan stok.

Maaf cakaplah kalau saya kata, perkembangan terbaru ini nampak seolah-olah Bernas menghadiahkan RM80 juta kepada kerajaan untuk diagih-agihkan kepada pesawahan dan dengan sekelip mata harga import naik 36 peratus.

Boleh jadi tidak semua orang tahu yang melalui Bernas Malaysia meng-import 1.24 juta ton metrik beras tahun lalu, meningkat daripada 1.16 juta ton tahun 2021.

Kesimpulannya, bala yang sedang menimpah kita dalam bentuk kenaikan harga beras import dan kekurangan bekalan beras tempatan ini adalah akibat dasar, perancangan dan pelaksanaan jangka panjang dan pendek yang compang-camping, banyak cakap dan berbohong kepada diri sendiri.

* Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh

* Warisan Negara

KERATAN AKHBAR

: SUNDAY STAR

TARIKH

: 10 SEPTEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Loving it, and wasting it



Malaysians continue to waste rice despite price rise, say eatery owners

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Imported rice is getting more expensive and parts of the world are facing grain shortages – but wasting food seems to be an entrenched habit for many Malaysians.

"Malaysians are so 'generous' in wasting food," said Malaysian Indian Restaurant Owners Association vice-president C. Krishnan.

"There is often leftover rice in the plate, whether it's half or a small portion," he said.

His workers, he said, would always find uneaten rice when they cleared tables.

Krishnan said restaurants had made concerted efforts to curb rice wastage and mitigate the impact of rising prices.

"Unfortunately, sometimes customers order food but do not eat it," he added.

He said eaters might explore the possibility of introducing dining options such as smaller bowls.

"This would cater to those with smaller appetites, enabling them to enjoy a smaller portion at a lower or similar price point, while customers who desire larger servings can pay extra," he said when contacted.

Krishnan said he believed the government should do more to educate the public on consuming appropriate portions and not wasting food.

With prices of imported rice having gone through several revisions of late, he said business



Sheer waste:
Customer didn't finish their rice after a meal at one of the restaurants in Kuala Lumpur.
— FAJAHAN GHANI/The Star

owners were taking a "wait and see" approach.

"Rice used to be very cheap, ranging from 50sen to RM1. Now it costs between RM2 and RM3 per serving," he added.

Krishnan said that restaurants typically need to cook 50kg of rice daily.

"There's no need to cook the entire quantity in the morning, so the issue of wasting rice by storing it for the next day doesn't arise," he added.

Sahabat Tomyam Prihatin Semalaysia Association adviser Che Mamat Chemod also said Malaysians waste food, but restaurant owners were not in a position to restrict the amount customers want.

"We want them to order more food because that's how we make money. But seeing them not finishing their meals is disheartening," he said, adding that restaurant owners were conflicted over this.

"With the rising cost of ingredients, we hope people will value food even more," he added.

Che Mamat said restaurants would prepare food based on the orders placed by customers to prevent wastage.

"We'll continue to cook the same quantity of rice daily, which can be used for fried rice later. We can also refrigerate the rice for meals for the staff. We don't want to waste rice," he said.

Malaysia Selangor and Federal

Territory Ku Su Shin Chung Hung Restaurants' Association deputy president Justin Hor Chee Keong said in recent years, he noticed many people had been reducing their food intake and the consumption of white rice in Chinese restaurants had decreased.

"Some customers even skip white rice altogether... for health reasons," he added.

White rice in restaurants is served in small bowls. Hor said, adding that this typically costs between RM2.50 and RM3.

"If customers need more white rice, they can order an additional bowl," he said.

Pan Malaysia Koo Soo Restaurants and Chefs Association president Wong Teu Hoon cited a

Chinese saying, "Who knows the toll involved in every grain of rice in the bowl?"

This, he said, was about the traditional value of not wasting food.

He said that in many households, the elders would encourage children to eat all the rice in their bowl.

To curb wastage, he said, some restaurant owners served rice according to the number of customers.

"More rice is added only if it's not enough.

"In the kitchen, they cook the second batch of rice only if supply is running low. It takes about 20 minutes to cook rice, so they don't prepare too much rice to avoid wastage," said Wong.

In April, Deputy Local Government Development Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir said 252,521 tonnes of solid waste were collected by Public Cleansing Management Corporation during Ramadan last year.

Out of that, about 44.5% was food waste.

The price of imported white rice went up by 36% to RM3.200 per metric tonne as announced by Padiberas Nasional Bhd (Berjaya) on Sept 1.

On July 20, India stopped its non-basmati white rice exports to stabilise prices and ensure availability within the country.

The move was driven by domestic concerns such as rising food prices, inflation, and fear of a rice shortage due to El Nino disruptions.